

## **KESAN PENGGUNAAN KAEDAH ANSUR MAJU DALAM MEMBANTU MURID TAHUN EMPAT MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN BAHASA MELAYU**

Oleh

**Steven Blanda Anak Inting**  
**steveblan1@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu dua orang murid Tahun Empat dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu di samping menambah baik amalan saya melalui penggunaan kaedah ansur maju. Lembaran kerja diberi secara ansur maju bermula dengan latihan melengkapkan ayat dan diikuti dengan latihan menjawab soalan pemahaman. Data kajian ini dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen; dan kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan dan analisis pola. Triangulasi sumber, masa dan kaedah digunakan untuk menyemak data yang telah ditafsir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah ansur maju dapat membantu dua orang peserta kajian menguasai kemahiran membina ayat dalam menjawab soalan pemahaman dan turut menambah baik amalan sendiri saya. Untuk kitaran seterusnya, lembaran kerja secara latih tubi dan penekanan kepada penggunaan bahan bantu mengajar seperti kad soalan disarankan.*

*Kata kunci: Soalan pemahaman, kaedah ansur maju, lembaran kerja, murid Tahun Empat, membina ayat*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to assist two Year Four pupils answer questions related to Bahasa Melayu comprehension questions apart from helping me improve my practice through developmental learning method. This method involved gradual usage of worksheets starting with exercises on sentence completion, followed by exercises on answering some comprehension questions. Data of this study were collected through observation, interviews and document analysis. The data were then analysed using content and pattern analysis. I used triangulation of sources, time and method to check the credibility of the data. The findings showed that the use of developmental learning method in worksheets helped the pupils master sentence construction when answering comprehension questions. My involvement in the research has also contributed to the improvement of my teaching. For the next cycle, the drilling method in using worksheets and teaching aids such as question cards are recommended.*

*Keywords: Comprehension questions, developmental learning method, worksheets, Primary Four pupils, sentence construction*

## **PENGENALAN**

### **Konteks**


Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGK BL), Kuching. Saya sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (PISMP-BM). Saya telah menjalani tiga kali latihan praktikum di sekolah yang berlainan sepanjang melalui latihan keguruan di IPGK BL.

Saya telah menjalani latihan praktikum Fasa III di Sekolah Kebangsaan (SK) Engkabang (nama samaran) selama tiga bulan. S'K Engkabang terletak di kawasan bandar raya Kuching dan merupakan salah sebuah sekolah yang cemerlang dari segi akademik. Kebanyakan murid yang berada dalam sekolah ini mempunyai latar belakang keluarga yang berpendidikan dan taraf ekonomi yang tinggi.

Dalam tempoh tersebut, saya telah diberi tanggungjawab untuk mengajar dua buah kelas Tahun Empat yang diberi nama samaran sebagai 4 Kuning dan 4 Hijau untuk mata pelajaran Bahasa Melayu (BM). Bilangan murid dalam kelas Tahun 4 Kuning adalah seramai 38 orang dan kelas Tahun 4 Hijau pula seramai 37 orang. Kedua-dua buah kelas ini mempunyai prestasi akademik yang hampir sama terutamanya untuk mata pelajaran BM. Setelah empat minggu berinteraksi dan menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p), saya mendapati dua orang murid kelas Tahun 4 Kuning agak lemah dalam membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman. Daripada pemerhatian saya terhadap hasil kerja mereka, saya mendapati mereka sering membina ayat yang ringkas sahaja untuk menjawab soalan pemahaman yang mana tidak mempunyai subjek dan predikat. Mereka juga tidak konsisten mengenal pasti isi-isi penting dalam petikan yang diberikan. Saya menyedari bahawa kemahiran membina ayat adalah sangat penting terutamanya dalam peperiksaan. Justeru, saya berusaha untuk membantu mereka menguasai kemahiran membina ayat dalam menjawab soalan pemahaman yang mana turut memberi peluang kepada saya untuk menambah baik amalan p&p saya.

### **Isu Keprihatinan**

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang memainkan peranan yang penting kerana menjadi bahasa perantaraan untuk rakyat Malaysia yang pelbagai kaum. Ini juga dinyatakan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf dan mengisytiharkan BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Dalam pendidikan, mata pelajaran BM merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua murid dan wajib lulus dalam peperiksaan. Maka, atas kesedaran betapa pentingnya mata pelajaran BM, saya berusaha untuk membantu murid-murid sekolah rendah untuk menguasai salah satu kemahiran yang terpenting dalam mata pelajaran BM, iaitu kemahiran membina ayat. Mereka dapat memperkembangkan ilmu pengetahuan dan pengalaman diri apabila mereka sudah menguasai asas kemahiran membina ayat. Berdasarkan tinjauan awal, saya telah mengenal pasti dua orang murid, iaitu Bugap (nama samaran) dan Laja (nama samaran) yang mempunyai kelemahan yang ketara dalam menjawab soalan pemahaman. Rajah 1 menunjukkan kesilapan yang telah dilakukan oleh Bugap dan Laja dalam tinjauan awal pada 27 Mac 2012.



Rajah 1. Sedutan tinjauan awal Bugap dan Laja, 27 Mac 2012.

Berdasarkan tinjauan awal tersebut, Bugap dan Laja dapat mengenal pasti jawapan untuk soalan 1 yang terdapat dalam petikan yang disediakan tetapi struktur ayat yang dibina untuk menjawab soalan pemahaman tersebut adalah tidak lengkap kerana tidak mempunyai subjek dan predikat. Mereka juga tidak konsisten untuk mencari jawapan untuk soalan yang seterusnya. Struktur ayat yang dibina pula agak ringkas dan tidak lengkap. Walaupun begitu, Laja dapat memberikan jawapan yang betul dan membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan 3. Saya dapat merumuskan bahawa Bugap dan Laja lemah membina ayat lengkap bagi menjawab soalan pemahaman. Lantaran itu, saya berhasrat untuk membantu mereka.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- menambah baik amalan saya dalam pengajaran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat melalui penggunaan kaedah ansur maju; dan
- membantu Bugap dan Laja dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat dengan menggunakan kaedah ansur maju.

### Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah penggunaan kaedah ansur maju dapat menambah baik amalan saya dalam pengajaran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat?
- Apakah kesan penggunaan kaedah ansur maju terhadap Bugap dan Laja dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat?

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

### Perancangan Tindakan

Menurut Nik Safiah Karim, Farid. M, Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2010), "setiap pembentukan ayat harus merangkumi subjek dan predikat serta mematuhi empat pola ayat dasar, iaitu frasa nama + frasa nama, frasa nama

+ frasa kerja, frasa nama + frasa adjektif dan frasa nama + frasa sendi nama” (ms 340-345). Pernyataan tersebut turut disokong oleh Asmah Haji Omar (1993) dalam bukunya yang bertajuk “Nahu Melayu Terakhir.” Abdullah Hassan (2007) pula berpendapat sintaksis adalah satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Ini merangkumi hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat.

Saya telah memperkenalkan kaedah ansur maju dalam membantu murid membina ayat yang lengkap, iaitu mempunyai subjek dan predikat bagi menjawab soalan pemahaman. Kaedah ansur maju turut digunakan oleh Juliana Ling Chu Chen (2009), Geranting Lugat (2009) dan Anisah Anuar (2010). Menurut Juliana Ling Chu Chen, kaedah ansur maju merupakan salah satu kaedah untuk murid mempelajari sesuatu kemahiran itu bermula daripada langkah yang paling asas kemudian beralih ke aras yang lebih sukar dan seterusnya sehinggalah mereka dapat menguasainya. Saya telah memberi lembaran kerja secara ansur maju. Oleh itu, murid lebih mudah memahami kemahiran membina ayat untuk menjawab soalan pemahaman.

### Pelaksanaan Tindakan

Tindakan kajian ini dijalankan selama empat minggu yang bermula pada 3 April hingga 26 April 2012 di luar waktu p&p BM disebabkan hanya dua orang murid sahaja yang terlibat. Ini memudahkan saya membimbing mereka daripada awal lagi supaya mereka dapat memahami kemahiran asas membina ayat. Bilik tayangan dijadikan sebagai tempat pelaksanaan tindakan. Saya memberi pendedahan kepada murid tentang teknik membina ayat untuk menjawab soalan pemahaman. Rajah 2 menunjukkan petikan dan sedutan power point yang saya gunakan.

Sarah, Mei Ling, dan Devi berjumpa pada hari pertama sesi persekitaran tahun 2010. Itu mereka bertembung.

Sarah : Hai, Mei Ling. Sudah dua bulan kita tak berjumpa. Awak apa khabar?  
Mei Ling: Hai, Sarah. Saya khabar baik. Sarah, ini Devi, murid baharu di sini.  
Sarah : Oh, hai juga Sarah. Devi apa khabar? Awak berasal dari mana?  
Devi : Saya khabar baik. Saya berasal dari Johor. Bapa saya seorang anggota polis. Bapa baru saja ditugaskan ke sini.  
Sarah : Oh, begitu. Sudahlah kamu tahu kamu dalam kelas apa?  
Mei Ling: Saya dalam Tahun 2 Baru. Kamu pulak?  
Sarah : Saya juga dalam Tahun 2 Baru. Tahun lalu kita dalam kelas yang berlainan. Tahun ini kita ditempatkan dalam kelas yang sama. Seronok dapat belajar bersama-sama nanti.  
Mei Ling: Sudah tentu. Eh, bagaimana pula dengan awak, Devi?  
Devi : Saya dalam Tahun 2 Merah.  
Mei Ling: Syagangnyu Devi tidak dapat belajar dalam kelas yang sama dengan kita.  
Devi : Tidak mengapa. Nanti kita boleh belajar bersama-sama pada waktu petang. Kemudian, kita boleh bermain batu seremban bersama-sama.  
Sarah : Betul lu.

**SOALAN**

1 Siapakah nama kawan baharu Sarah dan Mei Ling?  
Nama kawan baharu Sarah dan Mei Ling ialah Devi.

2 Sudah berapa lamakah Sarah dan Mei Ling tidak berjumpa?  
Sarah dan Mei Ling tidak berjumpa selama dua bulan.

Penggunaan frasa

Rajah 2. Petikan dan sedutan power point.

Saya memberi penekanan terhadap penggunaan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan. Ini dapat membantu murid-murid membina ayat yang mempunyai subjek dan predikat bagi menjawab soalan pemahaman. Bagi mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid terhadap penggunaan frasa tersebut, saya telah mengedarkan lembaran kerja secara ansur maju dalam masa yang berlainan. Jadual 1 menunjukkan rekod lembaran kerja yang diedarkan kepada murid.

Jadual 1  
Rekod Pengedaran Lembaran Kerja

Minggu	Tarikh	Perkara
1	3 April 2012	Lembaran kerja 1: Latihan Melengkapkan Ayat
2	10 April 2012	Lembaran kerja 2: Latihan Melengkapkan Ayat
3	17 April 2012	Lembaran kerja 3: Latihan Menjawab Soalan Pemahaman
4	24 April 2012	Tinjauan akhir: Latihan Menjawab Soalan Pemahaman

Untuk minggu pertama, saya telah memberikan latihan melengkapkan ayat seperti yang terdapat dalam rajah 3.

1. Ke manakah Nelly dan Sarah pergi pada cuti penggal persekolahan yang lalu?  
Nelly dan Sarah pergi pada cuti penggal persekolahan yang lalu ke .....

2. Bagaimanakah rupa bulu burung merak?  
Rupa bulu burung merak ialah .....

3. Apakah yang menarik tentang burung bangau?  
Burung bangau mempunyai .....

4. Apakah tujuan mereka merakamkan gambar?  
Tujuan mereka merakamkan gambar ialah untuk .....

5. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu melindungi haiwan seperti burung?  
Pada pendapat saya, kita perlu melindungi haiwan seperti burung kerana .....

**Frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan**

**Petikan cerita**

Rajah 3. Latihan melengkapkan ayat, 3 April 2012.

Murid hanya melengkapkan ayat yang telah disediakan dengan jawapan yang sesuai. Ayat yang telah disediakan adalah merupakan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan. Latihan ini membolehkan mereka membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan pemahaman. Rajah 4 menunjukkan latihan melengkapkan ayat yang diberikan pada minggu yang kedua.

1. Apakah yang dilakukan oleh sekumpulan pengusaha bakul tersebut?  
Sekumpulan pengusaha bakul tersebut .....

2. Apakah kesan yang berlaku akibat tindakan pengusaha bakul tersebut?  
Kesan yang berlaku akibat tindakan pengusaha bakul tersebut ialah .....

3. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap pemulihan kawasan yang diteroi?  
..... yang bertanggungjawab terhadap pemulihan kawasan yang diteroi.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan flora dan fauna?  
Flora ialah ..... dan fauna ialah .....

5. Bagaimakah kita dapat menjaga flora dan fauna ini?  
Kita dapat menjaga flora dan fauna ini dengan .....

**Frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan**

**Petikan berita**

Rajah 4. Latihan melengkapkan ayat, 10 April 2012.

Untuk minggu ketiga, saya telah meningkatkan aras latihan dengan memberikan latihan menjawab soalan pemahaman. Ini adalah selaras dengan kaedah ansur maju yang diterapkan dalam pelaksanaan tindakan. Di samping itu, latihan ini dapat melihat sejauh mana murid memahami penggunaan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan melalui dua lembaran kerja yang telah diberikan sebelum ini. Rajah 5 menunjukkan latihan menjawab soalan pemahaman yang diberikan pada minggu ketiga.

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Lompat si kata lompat,  
Lompat dalam perigi,  
Bangun adik cepat,  
Pergi mandi gosok gigi.

Lompat si kata lompat,  
Lompat di tepi pagar,  
Belajar lekas dapat,  
Kena rajin-rajin belajar.

Lompat si kata lompat,  
Lompat di rumput muda,  
Belajar kuat-kuat,  
Agar ilmu penuh di dada.

1. Apakah binatang yang diceritakan dalam pantun di atas?
2. Apakah yang perlu dilakukan selepas bangun daripada tidur?
3. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan ilmu yang banyak?
4. Mengapakah kita perlu belajar dengan bersungguh-sungguh?
5. Apakah cita-cita anda? Mengapakah anda memilih cita-cita tersebut?

Soalan pemahaman

Petikan pantun

**Rajah 5.** Latihan menjawab soalan pemahaman, 17 April 2012.

Untuk tinjauan akhir, saya telah memberikan latihan menjawab soalan pemahaman untuk mengetahui kesan kaedah ansur maju terhadap perkembangan murid untuk membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman. Rajah 6 menunjukkan latihan melengkapkan ayat semasa tinjauan akhir.

Cuaca hari ini sangat panas. Lokman sedang berjalan kaki pulang ke rumahnya. Di pertengahan jalan, dia berasa sangat dahaga. Kebetulan terdapat sebuah gerai minuman tidak jauh dari situ. Lokman pun singgah untuk membeli air sirap dari gerai itu.

Gerai itu kelihatan tidak bersih. Ada banyak alat hinggap di gerai itu. Tikus dan lipas juga kelihatan berkeliraran di sekitar gerai itu.

Setelah sampai di rumahnya, perut Lokman terasa sakit. Ibu Lokman segera membawanya ke klinik. Doktor memeriksa perut Lokman. Beliau mendapati Lokman keracunan makanan.

Selepas memberi ubat kepada Lokman, doktor menasihatinya supaya jangan membeli minuman di gerai yang tidak bersih lagi.

1. Apakah Lokman membeli minuman di gerai itu?
2. Bagaimanakah keadaan gerai minuman itu?
3. Mengapakah Ibu Lokman membawanya ke klinik?
4. Mengapakah kita tidak boleh membeli makanan yang kotor dan tidak bersih?
5. Pada pendapat anda, apakah tindakan yang harus dikenakan kepada penjual minuman itu kerana mempunyai gerai yang tidak bersih?

Soalan pemahaman

Petikan cerita

**Rajah 6.** Latihan menjawab soalan pemahaman, 24 April 2012.

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Somekh (1989) menyatakan bahawa “penyelidikan tindakan merupakan satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing” (dalam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), 2008, ms 3). Pendapat tersebut menunjukkan bahawa saya turut berperanan sebagai peserta dalam penyelidikan tindakan ini yang bertujuan untuk menambah baik amalan p&p saya dalam pengajaran menjawab soalan pemahaman. Dua orang murid dari kelas Tahun 4 Kuning, iaitu Bugap dan Laja turut menyertai kajian ini. Mereka dipilih berdasarkan tinjauan awal yang menunjukkan mereka lemah dalam membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman.

### **Etika Penyelidikan**

Sebelum pelaksanaan PT, pihak IPGKBL telah menghantar surat kebenaran kepada pihak pengurusan sekolah untuk memohon kebenaran secara rasmi yang membenarkan saya menjalankan penyelidikan di sekolah tersebut. Di samping itu, saya turut mendapatkan kebenaran daripada ibubapa peserta kajian yang terlibat dan dua orang peserta kajian melalui surat persetujuan menyertai PT ini. Saya telah memberitahu peserta kajian tentang tujuan, matlamat dan kebaikan yang mereka perolehi apabila menyertai siri bimbingan ini. Prosedur tindakan yang dijalankan sepanjang PT ini turut diterangkan supaya mereka mendapat gambaran awal tentang perkara yang akan berlaku sepanjang pelaksanaan PT ini.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **Pemerhatian**

Saya menggunakan nota lapangan dan rakaman video untuk mengumpul data pemerhatian. Saya mencatatkan sebarang perkara yang berlaku, peristiwa, interpretasi insiden atau masalah yang saya perhatikan dalam nota lapangan. Saya menggunakan rakaman video untuk merakam Bugap dan Laja semasa membuat lembaran kerja. Maka, saya boleh membuat pemerhatian dengan lebih mendalam mengenai peserta kajian saya melalui data sokongan tersebut.

#### **Analisis dokumen**

Analisis dokumen yang saya gunakan adalah lembaran kerja dan borang maklum balas. Peserta kajian telah diberikan lembaran kerja secara beransur maju sebanyak empat kali yang bermula dengan latihan melengkapkan ayat dan diikuti dengan latihan menjawab soalan pemahaman. Saya dapat mengetahui tahap penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman berdasarkan lembaran kerja tersebut yang diberikan secara ansur maju. Manakala saya menggunakan borang maklum balas untuk mendapatkan maklum balas peserta kajian terhadap keseluruhan PT yang dilaksanakan.

#### **Temu bual**

Saya telah menemu bual peserta kajian dan rakan praktikum, Hadi (nama sebenar, dengan kebenaran) untuk mendapatkan pandangan dan pendapat mereka terhadap pelaksanaan PT ini. Saya telah memilih temu bual separa berstruktur agar

dapat membantu mereka jika mereka tidak memahami soalan yang dikemukakan. Berikut adalah contoh soalan-soalan temu bual yang saya gunakan untuk menemu bual Bugap dan Laja pada Selasa, 24 April 2012.

- Adakah anda suka menjawab soalan pemahaman?
- Apakah perasaan anda semasa membuat latihan pemahaman mengikut kaedah ansur maju yang cikgu perkenalkan?
- Adakah kaedah ansur maju yang cikgu perkenalkan memudahkan anda menjawab latihan pemahaman?

## **Teknik Menganalisis Data**

### **Analisis kandungan**

Untuk kandungan lembaran kerja, saya telah menganalisis cara peserta kajian menjawab soalan pemahaman dan mengenal pasti bilangan soalan yang dijawab dengan betul dan salah. Saya telah mempersembahkan tahap pencapaian dua orang peserta kajian dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2

*Contoh Jadual Pencapaian Peserta Kajian dalam Tinjauan Awal dan Tinjauan Akhir*

Nama Peserta	Bilangan soalan yang betul bagi latihan pemahaman		Tahap Kemahiran Menjawab Soalan Pemahaman	
	Tinjauan Awal	Tinjauan Akhir	Tinjauan Awal	Tinjauan Akhir
Bugap				
Laja				
<b>Interpretasi:</b>	0		Lemah, tidak menguasai	
	1 - 2		Memuaskan, kurang menguasai	
	3 - 4		Baik, boleh menguasai	
	5		Cemerlang, sudah menguasai	

Untuk meneliti kandungan rakaman video, saya merujuk semula persoalan kajian supaya saya mempunyai panduan dan hanya membuat pemerhatian terhadap perkara-perkara yang penting sahaja. Lantaran itu, perkara yang penting saya catatkan dalam jadual untuk memudahkan saya membuat rujukan. Kemudian, saya mengelaskan catatan yang diperhatikan dalam tema. Saya membaca dan memahami kandungan yang terdapat dalam nota lapangan serta mengkategorikan perkara yang penting dalam tema.

Semasa menganalisis kandungan nota lapangan, saya telah mengenal pasti tema seperti murid memberi respon ayat soalan dan ayat lengkap, dan sudah menggunakan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan untuk membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman. Saya menganalisis data borang maklum balas pula dengan mengira darjah persetujuan peserta kajian terhadap item-item yang terdapat dalam borang maklum balas berdasarkan skala Likert. Setiap kali sesi temu bual, saya merakamkannya supaya saya berpeluang untuk mendengar semula dan meneliti isi perbincangan tersebut. Saya turut mengkategorikan temu bual yang telah ditranskripkan dengan tema yang bersesuaian. Saya membuat koding semasa menganalisis data temu bual. Contoh pengekodan temu bual adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.



### Jadual 3

#### *Contoh Pengekodan Data Temu Bual*

<b>Pengekodan Data</b>	<b>Maksud Pengekodan Data</b>
TMB01 BGP 03042012	Temu bual pertama bersama dengan Bugap pada 3 April 2012.
TMB02 LJ 03042012	Temu bual ke-2 bersama dengan Laja pada 3 April 2012.
TMB07 HADI 25042012	Temu bual ke-7 bersama dengan Hadi pada 25 April 2012.

#### **Analisis pola**

Pertama, saya menganalisis pola dalam tema-tema yang terbentuk daripada nota lapangan, transkrip temu bual dan borang maklum balas peserta kajian. Kedua, saya menganalisis pola persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam lembaran kerja yang dihasilkan oleh peserta kajian. Ini membolehkan saya mengetahui kekuatan dan kelemahan peserta kajian dalam menguasai kemahiran membina ayat dalam menjawab soalan pemahaman.

#### **Teknik Menyemak Data**

Untuk penyemakan data, saya menggunakan triangulasi masa, sumber dan kaedah. Saya menggunakan triangulasi masa dengan membuat perbandingan hasil dapatan lembaran kerja peserta kajian saya untuk tinjauan awal dan tinjauan akhir.

Triangulasi sumber dijalankan dengan menemu bual rakan praktikum, Hadi untuk mendapatkan pandangan beliau tentang penyelidikan tindakan yang telah saya jalankan kerana beliau sendiri turut terlibat sebagai pemerhati.

Untuk triangulasi kaedah pula, saya menggunakan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta kajian saya yang sama. Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian dan disokong oleh kaedah temu bual untuk menunjukkan peserta kajian dapat membina ayat lengkap bagi menjawab soalan pemahaman.

### **REFLEKSI**

#### **Refleksi Dapatan**

- **Bagaimanakah penggunaan kaedah ansur maju dapat menambah baik amalan saya dalam pengajaran menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat?**

Saya berjaya menambah baik amalan sendiri saya dalam pengajaran menjawab soalan pemahaman melalui pengenalan kaedah ansur. Kaedah ansur maju yang menekankan konsep mudah ke sukar membolehkan murid mudah untuk memahami. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas seperti oleh Juliana Ling Chu Chen (2009), Geranting Lugat (2009) dan Anisah Anuar (2010) yang menggunakan kaedah ansur bagi membantu murid-murid mereka menguasai kemahiran yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Sebelum ini, saya hanya berbincang dengan murid-murid tetapi selepas melibatkan diri dengan PT ini, saya mendapati bahawa kaedah ansur maju dapat membantu murid menjawab soalan pemahaman. Berikut merupakan transkrip temu bual saya dengan Hadi pada Rabu, 25 April 2012.

Saya                   Apakah pendapat anda tentang kaedah ansur maju yang saya perkenalkan untuk membantu murid-murid menjawab soalan pemahaman dengan ayat yang lengkap?

Hadi                   Kaedah ansur maju....**membantu murid menjawab soalan pemahaman dengan ayat yang lengkap**. Saya telah melihat **tinjauan awal**, mereka **tidak tahu membina ayat lengkap** untuk menjawab soalan ini (sambil menunjukkan soalan pemahaman). Selepas beberapa latihan, ada latihan melengkapkan ayat, mereka dapat **menjawab soalan pemahaman dengan ayat lengkap**. Ini merupakan **kesan kaedah ansur memberi lembaran kerja**.

TMB07 HADI 25042012

Berdasarkan transkrip temu bual tersebut, Hadi menyatakan bahawa kaedah ansur maju yang saya perkenalkan berjaya membantu murid membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan pemahaman. Dalam tinjauan awal, Hadi melihat murid lemah membina ayat yang mempunyai subjek dan predikat. Tetapi setelah mereka diberi lembaran kerja secara beransur maju, didapati ada peningkatan dari segi bilangan soalan yang dijawab dengan betul pada tinjauan akhir. Perubahan positif daripada tinjauan awal ke tinjauan akhir turut ditunjukkan Jadual 4.

#### Jadual 4

##### *Tahap Pencapaian peserta kajian dalam Tinjauan Awal dan Tinjauan Akhir*

Nama Peserta	Bilangan soalan yang betul bagi latihan pemahaman		Tahap Kemahiran Menjawab Soalan Pemahaman	
	Tinjauan Awal	Tinjauan Akhir	Tinjauan Awal	Tinjauan Akhir
Bugap	0	3	Lemah	Baik
Laja	1	3	Lemah	Baik

Di samping itu, saya berpeluang untuk meningkatkan keprihatinan diri sebagai seorang guru untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Saya dapat belajar cara memilih tempat pelaksanaan pengajaran yang sesuai dan pengurusan masa sebelum pengajaran dimulakan. Rajah 7 menunjukkan sedutan rakaman dalam bentuk gambar pengajaran di bilik tayangan pada Selasa, 10 April 2012.



Rajah 7. Rakaman video pengajaran, 10 April 2012.

Berdasarkan Rajah 7, saya memberikan penerangan dan contoh supaya peserta kajian memahami apa yang saya sampaikan semasa pengajaran tersebut. Saya juga menyediakan latihan pemahaman yang mengikut aras dan kemampuan mereka. Kami menggunakan bilik tayangan kerana bilik tersebut mempunyai

kawasan yang luas, sesuai dan selamat digunakan. Saya juga prihatin dengan keadaan peserta kajian yakni saya sering bertanya khabar dan meminta mereka untuk berkongsi perkara yang membuatkan mereka berasa gembira setiap kali sebelum memulakan pengajaran. Jadi, pelaksanaan PT ini banyak mengajar saya erti keprihatinan sebagai seorang guru.

• **Apakah kesan penggunaan kaedah ansur maju terhadap Bugap dan Laja dalam menjawab soalan pemahaman Bahasa Melayu Tahun Empat?**

Penggunaan kaedah ansur maju membolehkan Bugap dan Laja menguasai kemahiran membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman. Jadual 5 menunjukkan rekod pencapaian kemahiran menjawab soalan pemahaman.

Jadual 5

*Rekod Pencapaian Kemahiran Menjawab Soalan Pemahaman*


	Perkara	Bilangan soalan betul	Tahap Kemahiran Menjawab Soalan Pemahaman
<b>Bugap</b>	Tinjauan Awal	0	Lemah
	Lembaran kerja 1	2	Memuaskan
	Lembaran kerja 2	3	Baik
	Lembaran kerja 3	4	Baik
	Tinjauan Akhir	3	Baik
<b>Laja</b>	Tinjauan Awal	1	Memuaskan
	Lembaran kerja 1	3	Baik
	Lembaran kerja 2	3	Baik
	Lembaran kerja 3	2	Memuaskan
	Tinjauan Akhir	3	Baik

Berdasarkan tahap pencapaian kemahiran menjawab soalan pemahaman yang terdapat dalam Jadual 5, Bugap dan Laja menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membina ayat untuk latihan melengkapkan ayat dan latihan menjawab soalan pemahaman, iaitu daripada “lemah” kepada “baik” bagi Bugap. Laja pula daripada “memuaskan” kepada “baik.”

Rajah 8 dan 9 menunjukkan sedutan rakaman video dalam bentuk gambar tentang proses pembelajaran Bugap dan Laja.




Rajah 8. Sedutan rakaman video proses pembelajaran Bugap.



Rajah 9. Sedutan rakaman video proses pembelajaran Laja.

Berdasarkan analisis rakaman video dalam Rajah 8 dan 9, Bugap dan Laja telah membina ayat yang lengkap pada 3 April 2012 dengan melengkapkan ayat yang telah disediakan dengan jawapan yang sesuai. Untuk tinjauan akhir, Bugap dan Laja telah menggunakan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan untuk membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan pemahaman. Ini menunjukkan mereka sudah menguasai kemahiran membina ayat untuk menjawab soalan pemahaman.

Rajah 10 menunjukkan hasil tinjauan akhir Bugap dan Laja pada 24 April 2012.




Rajah 10. Hasil tinjauan akhir Bugap dan Laja, 24 April 2012.

Berdasarkan hasil tinjauan akhir tersebut, Bugap dan Laja berjaya menjawab 3 daripada 5 soalan yang disediakan, iaitu soalan 1 hingga soalan 3. Mereka dapat mencari jawapan yang tepat daripada petikan dan menggunakan frasa selepas kata

tanya yang terdapat dalam soalan untuk membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan tersebut. Namun, mereka bersikap cuai untuk menjawab soalan 4 dan 5. Untuk soalan 4, Bugap hanya menggunakan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan manakala Laja hanya menulis jawapan untuk menjawab soalan tersebut. Ini menyebabkan struktur ayat yang dibina oleh mereka adalah tidak lengkap yang mempunyai subjek dan predikat. Untuk soalan 5, mereka tidak memahami kehendak soalan. Maka, jawapan yang dihasilkan tidak menepati kehendak soalan dan struktur ayat yang dihasilkan tidak lengkap.

Di samping itu, penggunaan kaedah ansur maju dalam memberi lembaran kerja dapat memupuk minat peserta kajian untuk mempelajari kemahiran membina ayat. Ini dapat dilihat dalam catatan nota lapangan saya. Rajah 11 menunjukkan catatan nota lapangan saya pada 17 April 2012.



Rajah 11. Catatan nota lapangan, 17 April 2012.

Catatan saya menyatakan "peserta kajian memberi respon" dengan cepat dan tepat terhadap soalan yang dikemukakan. Walaupun tidak ditanya, mereka memberi "maklum balas" berkaitan tentang latihan yang telah dibuat. Ini menunjukkan bahawa mereka berminat untuk belajar. "Mereka turut bertanya" untuk mendapatkan kepastian terhadap ayat yang telah dibina dan tidak sabar untuk mengikuti pembelajaran seterusnya. Mereka berminat untuk menjawab soalan pemahaman turut ditunjukkan dalam transkrip temu bual antara saya dengan Bugap dan Laja pada 24 April 2012.

Saya Adakah anda **suka** menjawab soalan pemahaman?

Laja **Ya** (sambil mengangguk kepala).

TMB05 BGP 24042012

Saya Adakah anda **suka** menjawab soalan pemahaman?

Bugap **Mm..suka** (tersenyum).

TMB05 LJ 24042012

Transkrip temu bual menunjukkan Bugap dan Laja "suka" menjawab soalan pemahaman. Ini kerana lembaran kerja yang diberikan secara beransur maju memudahkan mereka untuk memahami cara membina ayat bagi menjawab soalan pemahaman.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Hanipah Hussin (1999) menyatakan bahawa refleksi merupakan proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk membaiki diri yang dilakukan secara berterusan. Berdasarkan pendapat tersebut, saya dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan tindakan sepanjang PT ini.

Kekuatan kaedah ansur maju ialah ia membolehkan murid mudah untuk memahami cara menjawab soalan pemahaman dengan cara yang betul. Murid dapat membina ayat yang mempunyai subjek dan predikat untuk menjawab soalan pemahaman seperti yang dinyatakan oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2010). Hal ini kerana lembaran kerja yang diberikan secara ansur maju yang bermula dengan latihan melengkapkan ayat dan diikuti dengan latihan menjawab soalan pemahaman dapat membantu mereka. Ini turut disokong oleh perubahan peningkatan bilangan soalan yang betul semasa tinjauan akhir. Peserta kajian turut mempunyai keyakinan untuk melibatkan diri dengan aktif dalam pembelajaran. Pada awalnya, saya dapat mengenal pasti bahawa mereka agak malu, takut dan kurang memberi respon apabila ditanya. Setelah terlibat dengan PT ini, saya dapat melihat mereka semakin berani untuk bertanya, memberi respon terhadap latihan yang diberikan dan aktif semasa pembelajaran dijalankan. Oleh itu, kaedah ansur maju meningkatkan keyakinan peserta kajian saya membina ayat lengkap bagi menjawab soalan pemahaman dengan betul.

Kelemahan yang terdapat dalam PT ini ialah ia kurang menggunakan bahan bantu mengajar (BBM). Penggunaan BBM seperti kad perkataan adalah sangat sesuai digunakan kerana murid dapat membuat aktiviti berbentuk "hands on." Ini membolehkan mereka lebih memahami cara menjawab soalan pemahaman berbanding dengan hanya memberikan contoh secara lisan dan menulis pada lembaran kerja. Selain itu, murid masih lemah untuk menjawab soalan 4 dan 5 yang merupakan soalan berbentuk kemahiran berfikir. Justeru, kelemahan ini perlu diperbaiki supaya murid dapat menjawab soalan pemahaman dengan lebih baik pada masa akan datang.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Setelah melibatkan diri dalam penyelidikan ini, saya lebih teliti dalam membuat sesuatu tugas yang diamanahkan. Hal ini kerana proses untuk menyiapkan laporan penyelidikan tindakan adalah suatu tugas yang mencabar dan memerlukan kesabaran. Saya mengumpul data untuk melihat perkembangan murid. Kemudian data tersebut dianalisis serta disemak supaya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang melaksanakan penyelidikan ini adalah sangat berharga terutamanya jika ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, saya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya dalam mengajar mata pelajaran BM khususnya kemahiran membina ayat. Kemahiran membina ayat terletak dalam peringkat pelahiran yang mana peringkat terakhir dalam kemahiran menulis. Ini menunjukkan bahawa kemahiran membina ayat adalah sangat penting. Saya juga dapat meningkatkan cara penyampaian semasa mengajar murid dengan mengaplikasikan Teori Gestalt (Hukum Pragnanz) yakni saya membincangkan cara menjawab soalan pemahaman secara umum terlebih

dahulu, kemudian secara spesifik dan merumuskannya secara umum semula (dalam Nik Hassan Basri, 2005). Murid turut memberi respon bahawa mereka mudah memahami perkara yang saya terangkan dalam temu bual yang diadakan.

### **Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya**

Pada kitaran seterusnya, saya berhasrat untuk menggunakan BBM seperti kad perkataan sekiranya saya berhadapan dengan masalah yang sama. Hal ini kerana murid-murid lebih gemar untuk membuat aktiviti yang berbentuk “hands on” berbanding dengan hanya menulis pada lembaran kerja. Mereka juga lebih memahami penggunaan frasa selepas kata tanya yang terdapat dalam soalan jika menggunakan kad perkataan kerana mereka hanya menyusun kad perkataan tersebut untuk menjawab soalan-soalan pemahaman yang telah disediakan.

Saya juga akan memberi latihan pemahaman secara latih tubi kepada murid-murid. Penekanan pula akan diberikan untuk menjawab soalan soalan 4 dan 5 kerana + murid bersikap cuai dan tidak memahami kehendak soalan. Jadi, saya akan memberi bimbingan dengan mengutamakan mereka memahami kehendak kata tanya yang digunakan untuk menyoal dalam soalan 4 dan 5. Ini membolehkan mereka dapat menjawab soalan yang menepati kehendak kata tanya tersebut.

### **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am (Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu)*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Nahu Melayu Terakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anisah Anuar. (2010). Membetulkan Tulisan Huruf ‘k’ dan ‘s’ Kecil Murid Tahun Tiga Menggunakan Lembaran Kerja Garisan Berkembar Tiga Dibantu oleh Carta Huruf dan Kaedah Ansur Maju. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL Tahun 2010*, 37-54.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Geranting Anak Lugat. (2009). Susahnya Menulis. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 165-171.
- Hanippah Hussin. (1999). Daya Berfikir dan Struktur Pemikiran Refleksi Kritikal (Critical Reflection) Bagaimana amalannya dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 31, ms 31-41.
- Juliana Ling Chu Chen. (2009). Membaiki Tulisan Murid Tahun 3 dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina dengan Kaedah Ansur Maju. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 146-156.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir. (2005). *Teori Bahasa-Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.